

## **PROSEDUR TERKINI BAGI WARGANEGARA MALAYSIA YANG INGIN KELUAR NEGARA DAN MASUK SEMULA KE MALAYSIA**

**15 SEPTEMBER 2020**

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) banyak menerima permohonan untuk keluar Negara dan permohonan masuk semula ke Malaysia bagi kalangan warganegara Malaysia. Sebelum ini, JIM telah mengeluarkan surat prosedur bagi warganegara Malaysia yang ingin keluar negara bagi tujuan menyambung pelajaran dan bekerja bertarikh 10 September 2020 berkaitan perkara ini. Sehubungan itu, berikut merupakan prosedur terkini bagi warganegara Malaysia yang ingin keluar negara dan masuk semula ke Malaysia dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP):

- **Prosedur Keluar Negara**

- i) **Kategori yang TIDAK PERLU memohon kelulusan dari JIM:**

- Diplomat dan petugas di Kedutaan Malaysia yang ingin bertugas di luar negara termasuk tanggungan masing-masing.
- Pelajar (menyambung pengajian dan baru mendapat tawaran belajar beserta tanggungan masing-masing).
- Pelajar yang ingin mengambil peperiksaan.
- Pemegang Pas Jangka Panjang di luar Negara (Pemastautin Tetap / Pas Residen / Pas Kerja dan lain-lain).
- Bekerja dengan syarikat petroleum dan syarikat perkapalan dan perlu *sign-on* ke atas kapal di luar negara.
- Baru mendapat tawaran bekerja.
- Mengiring pelajar untuk belajar (pengiring terhadap kepada dua orang sahaja).

ii) Kategori yang dinyatakan di atas perlu menunjukkan dokumen sokongan yang berkaitan kepada pegawai imigresen semasa hendak keluar.

iii) Kategori yang **PERLU** memohon kelulusan dari JIM:

- Menghadiri mesyuarat / seminar / pameran / urusan perniagaan.
- Urusan kecemasan.

iv) Kategori yang **TIDAK DIBENARKAN** keluar negara:

- Melancong / bercuti.
- Lawatan biasa ke atas ahli keluarga.

- **Prosedur Masuk Semula ke Malaysia**

i) Warganegara Malaysia yang berada di luar negara atau diberi kebenaran keluar dalam tempoh PKP adalah **DIBENARKAN** masuk ke Malaysia tanpa perlu memohon kelulusan dari JIM.

ii) Warganegara Malaysia dari negara yang disekat atau memegang pas lawatan jangka panjang dari negara yang dikenakan sekatan dibenarkan masuk ke Malaysia walaupun pernah keluar dalam tempoh PKP.

**PROSEDUR BAGI WARGANEGARA MALAYSIA YANG INGIN KELUAR  
NEGARA DAN MASUK SEMULA KE MALAYSIA**

<b>KELUAR NEGARA</b>				
<b>BIL.</b>	<b>KATEGORI</b>	<b>DIBENARKAN (TANPA MOHON KELULUSAN JIM)</b>	<b>MOHON KELULUSAN JIM</b>	<b>TIDAK DIBENARKAN</b>
1	DIPLOMAT DAN PETUGAS DI KEDUTAAN MALAYSIA YANG INGIN BERTUGAS DI LUAR NEGARA TERMASUK TANGGUNGAN MASING-MASING	/		
2	PELAJAR (MENYAMBUNG PENGAJIAN DAN BARU MENDAPAT TAWARAN BELAJAR) BESERTA TANGGUNGAN	/		
3	PELAJAR YANG INGIN MENGAMBIL PEPERIKSAAN	/		
4	PEMEGANG PAS JANGKA PANJANG DI LUAR NEGARA (PEMASTAUTIN TETAP / PAS RESIDEN / PAS KERJA DAN LAIN-LAIN)	/		
5	BEKERJA DENGAN SYARIKAT PETROLEUM DAN SYARIKAT PERKAPALAN DAN PERLU <i>SIGN-ON</i> KE ATAS KAPAL DI LUAR NEGARA	/		
6	BARU MENDAPAT TAWARAN BEKERJA	/		
7	MENGIRING ANAK UNTUK BELAJAR (TERHAD KEPADA DUA ORANG PENGIRING SAHAJA)	/		
8	MENGHADIRI MESYUARAT / SEMINAR / PAMERAN / URUSAN PERNIAGAAN		/	
9	URUSAN KECEMASAN		/	
10	MELANCONG / BERECUTI			/
11	LAWATAN BIASA KE ATAS AHLI KELUARGA			/
<b>MASUK SEMULA KE MALAYSIA</b>				
<b>BIL.</b>	<b>KATEGORI</b>	<b>DIBENARKAN (TANPA MOHON KELULUSAN JIM)</b>	<b>MOHON KELULUSAN JIM</b>	<b>TIDAK DIBENARKAN</b>
1	PERNAH / TIDAK PERNAH KELUAR DALAM TEMPOH PKP	/		
<p><b>*Nota:</b></p> <p>i) Perlu menjalani ujian saringan COVID-19 dan kuarantin selama 14 hari setibanya di Malaysia.</p>				